

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, September 2, 2019 10:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penyelidik UUM Selami Strategi Penulisan Jurnal-Berimpak




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

02 SEPTEMBER 2019 / 02 MUHARAM 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Unit Penerbitan Penyelidikan

PENYELIDIK UUM SELAMI STRATEGI PENULISAN JURNAL-BERIMPAK



UUM ONLINE: Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) telah mengadakan *Workshop on Publishing in High Impact Journal* kepada kumpulan sasaran iaitu para pensyarah muda bertempat di Future Learning Lab, Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC).

Seramai 35 orang pensyarah menyertai bengkel berkenaan yang dikendalikan oleh Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki.

Prof. Ts. Dr. Norazah berkata melalui bengkel ini, para peserta berpeluang untuk berkongsi ilmu dalam penghasilan penerbitan akademik yang berkualiti serta pemilihan jurnal yang berimpak tinggi.

"Pendedahan secara langsung ini sekali gus dapat memberikan panduan yang lebih baik kepada para ahli akademik serta tips untuk memilih persidangan yang berkualiti serta memberikan impak yang lebih baik kepada bahan penerbitan."

Proses ini juga sekaligus membantu dalam mencapai KPI bagi peningkatan kumulatif sitasi serta penerbitan per staf."

Tambah beliau lagi peserta juga diberi peluang untuk sesi individu bersama penceramah jemputan dalam membantu peserta memperbaiki kertas penyelidikan mereka agar berpotensi untuk diterbitkan pada Scopus dan ataupun jurnal berimpak tinggi.

“Selain itu, peserta juga didedahkan cara bagaimana untuk menerbitkan kertas penyelidikan di Scopus atau jurnal berimpak tinggi, secara tidak langsung akan menggalakkan peserta untuk menerbitkan lebih banyak kertas penyelidikan berkualiti pada masa akan datang serta meningkatkan kompetensi dan kualiti pelajar-pelajar pasca siswazah UUM,” jelasnya.

Sementara itu, Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Nasrun Mohd Naw, Timbalan Pengarah (Penerbitan Penyelidikan), RIMC berkata bengkel ini adalah suatu platform dan medium yang terbaik bagi ahli akademik muda untuk mempelajari serta memperkukuh pengetahuan mereka dalam bidang penulisan akademik.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.